

**NFCorp: Kenyataan Tony Pua tidak tepat, mahu kelirukan rakyat**  
**The Malaysian Insider**  
**26 Februari , 2012**

KUALA LUMPUR, 26 Feb — Pusat Fidlot Corporation (NFCorp) hari ini membidas Ketua Publisiti DAP Tony Pua kerana cuba mengelirukan rakyat dengan “memberikan kenyataan yang terpilih kepada media.”

“Kenyataan Pua tidak mencerminkan maklumat penuh dan gambaran sebenar tentang kelulusan pinjaman kerajaan untuk program NFC (Pusat Fidlot Nasional).

“Perjanjian pinjaman perlu dibaca bersama perjanjian pelaksanaan, kuasa syarikat seperti yang terdapat dalam memorandum dan artikel persatuan dan dokumen yang berkaitan,” kata NFCorp dalam satu kenyataan.

Kata NFCorp, Pua (gambar) dalam kenyataannya tidak menjelaskan tentang klausa-klausa penting dalam perjanjian pinjaman yang ditandatangani pada 6 Disember 2007.

“Mengikut undang-undang, artikel persatuan mewakili pemahaman antara pemegang saham syarikat berdasarkan hubungan antara satu sama lain dan kuasa syarikat sebagai sebuah entiti sah tentang bagaimana ia menjalankan perniagaan di bawah undang-undang dan selaras dengan Akta Syarikat 1965,” katanya.

“Di bawah Jadual Tiga dalam memorandum NFCorp dan artikel persatuan, Artikel 19 (K) NFCorp berhak 'untuk membuat pelaburan dan menggunakan wang syarikat bukan secara tiba-tiba tetapi mengikut keperluan,’ tambah NFCorp.

NFCorp menyifatkan pasaran hartanah adalah “menarik dan selamat, lebih dilindungi dan kurang tarikan berbanding yang lain”, dan pelaburan-pelaburan itu boleh dijual sekiranya syarikat memerlukan wang untuk pelaksanaan loji gas bio, fasa dua dan tiga pusat ternakan dan kilang makanan ternakan.

Terdahulu, Pua berkata secara jelas NFCorp telah memungkiri syarat-syarat perjanjian dengan menggunakan dana untuk tujuan lain selain daripada yang dibenarkan dan mendesak kesemua aset perlu dibekukan segera.

“NFC telah melanggar syarat-syarat perjanjian dengan menggunakan dana untuk tujuan lain. Ia terbukti bahawa pengarah-pengarah NFC menggunakan wang dari dana pinjaman itu untuk membeli hartanah di Kuala Lumpur dan Singapura.

“Ekoran pengesahan polis bahawa pindahan aset secara tidak sah merupakan jenayah pecah amanah, justeru kami menyeru polis membekukan pindahan atau jualan aset yang dimiliki Pusat Fidlot Nasional (NFC) dan lembaga pengarah NFCorp,” katanya.

Semalam polis memohon Peguam Negara supaya pengarah NFCorp didakwa atas kesalahan pecah amanah selepas pemimpin pembangkang mendakwa sebahagian daripada RM250 juta pinjaman mudah kerajaan telah digunakan untuk tujuan lain.

NFCorp, yang dimiliki oleh suami dan tiga anak Datuk Seri Shahrizat Abd Jalil, merupakan syarikat yang bertanggungjawab menguruskan NFC.

NFC mula menjadi topik hangat setelah syarikat itu tersenarai dalam Laporan Tahunan Ketua Audit Negara 2010.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/nfcorp-kenyataan-tony-pua-tidak-tepat-mahu-kelirukan-rakyat/>